

TEKS UCAPAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA

LAWATAN CARINIAGA DELEGASI
ANGKASA NEGERI PERLIS

11 FEBRUARI 2026 (RABU)

2.30 PETANG

AUDITORIUM, ANGKASA

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat berhimpun dalam Program Lawatan Cariniaga Delegasi ANGKASA Perlis pada hari ini.

2. Setinggi – tinggi penghargaan diucapkan Pengerusi ANGKASA Perlis, Dr. Ammar Bin Hassan atas inisiatif mengadakan lawatan ini dan tidak dilupakan kepada para delegasi yang turut bersama dalam dewan ini.

Hadirin yang saya hormati,

3. Perlis walaupun kecil dari sudut geografi dan dengan hanya 284,885 jumlah penduduk, negeri ini sentiasa memperlihatkan kekuatan dari sudut kebersamaan masyarakat dan kesungguhan gerakan koperasi. Saya melihat pertemuan hari ini sebagai ruang kerjasama serta memperkukuh keyakinan bahawa koperasi mampu menjadi nadi ekonomi rakyat yang berdaya tahan khususnya di negeri Perlis.
4. Gerakan koperasi di Malaysia telah melalui perjalanan panjang dengan pelbagai cabaran dan

pembaharuan. Dalam dunia yang semakin kompleks dan pantas berubah, koperasi tidak boleh sekadar menunggu peluang datang sebaliknya perlu mencipta peluang melalui inovasi dan jaringan strategik.

5. Kekuatan koperasi bukan hanya pada angka atau aset, tetapi pada kepercayaan ahli, ketelusan tadbir urus serta kesediaan untuk berubah mengikut keperluan semasa. Dengan asas tersebut koperasi mampu menjadi pemain ekonomi yang relevan dalam landskap domestik dan antarabangsa.

6. Jika dilihat dari statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia, sehingga Jun 2025 terdapat 265 buah koperasi di negeri Perlis, dengan keanggotaan seramai 62,545 individu, aset sebanyak RM146.01 juta. Syer/yuran sebanyak RM67.83 juta dan perolehan dicatatkan sebanyak R,37.82 juta.

Hadirin yang saya hormati,

7. ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi memainkan peranan besar dalam menyatukan suara koperasi serta menyediakan sokongan strategik kepada anggotanya. Tanggungjawab ANGKASA bukan sahaja sebagai wakil rasmi gerakan koperasi di peringkat nasional dan global, tetapi juga sebagai pemudah cara pembangunan serta jaringan perniagaan berimpak tinggi. Melalui pelbagai platform, ANGKASA berusaha membuka akses pasaran yang lebih luas, membina jaringan perdagangan serta membantu koperasi meningkatkan standard operasi agar mampu bersaing secara profesional.

8. Selain itu ANGKASA komited memperjuangkan dasar yang memihak kepada koperasi melalui

diplomasi dengan pihak kerajaan serta pihak berkepentingan yang lain. Tanggungjawab ini memerlukan kerjasama serta semua pihak agar ekosistem koperasi menjadi lebih tersusun dan berdaya saing.

9. Perubahan gaya hidup masyarakat pasca Covid telah membuka ruang kepada koperasi untuk terlibat dalam sektor peruncitan moden dan pendigitalan. Ruang digitalisasi ini juga secara tidak langsung membuka peluang pasaran yang lebih luas seperti logistik, pertanian pintar, pelancongan komuniti serta industri halal. Setiap koperasi perlu menilai kekuatan masing-masing dan membina model perniagaan yang mampan dalam jangka panjang.
10. Kita juga telah menggariskan beberapa bidang perniagaan yang mempunyai potensi besar untuk diceburi oleh koperasi. Antaranya

termasuk sektor kewangan dan pembiayaan, perdagangan dan pengedaran, perladangan dan agromakanan, pelancongan dan hospitaliti, teknologi serta ekonomi digital. Penyertaan koperasi dalam sektor-sektor ini bukan sekadar menambah sumber pendapatan, tetapi juga membuka peluang pekerjaan serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

11. Koperasi juga perlu memberi perhatian kepada pembangunan rantai nilai yang lengkap, daripada pengeluaran hingga pemasaran. Tanpa strategi pemasaran yang jelas dan sistem pengurusan yang efisien, potensi perniagaan sukar berkembang. Oleh itu, usaha meningkatkan kemahiran anggota, penggunaan teknologi digital serta kerjasama antara koperasi menjadi elemen penting dalam memastikan daya tahan ekonomi koperasi. Pendekatan kolaboratif akan

membantu koperasi mengurangi kos operasi dan meningkatkan keupayaan bersaing.

12. Keupayaan koperasi untuk berkembang juga bergantung kepada keberanian pemimpin dalam membuat keputusan strategik. Kepimpinan koperasi harus berani mencuba pendekatan baharu, memperkenalkan produk inovatif serta membina jenama yang diyakini pengguna. Dalam masa yang sama, pemimpin perlu menjaga amanah aanggota dengan memastikan setiap pelaburan dibuat secara berhemah dan berpandukan analisis yang kukuh. Kepimpinan yang seimbang antara visi dan tanggungjawab akan menentukan masa depan koperasi.

13. Pembangunan koperasi tidak boleh bergerak secara bersendirian tanpa sokongan komuniti dan rakan strategik. Kerjasama dengan agensi

kerajaan, institusi kewangan, sektor swasta perlu diperkukuh bagi memastikan koperasi mendapat akses kepada teknologi, latihan dan pasaran yang lebih luas. Program seperti hari ini juga bakal membuka ruang kepada koperasi untuk memperluas jaringan serta bertukar pengalaman, sekali gus membina ekosistem perniagaan yang lebih kukuh.

Hadirin yang saya hormati,

14. Saya yakin bahawa koperasi di Perlis mempunyai potensi besar untuk berkembang jika diberi sokongan dan peluang yang sewajarnya. Teruskan usaha membina jaringan, memperkukuh tadbir urus dan memperluas sektor perniagaan agar koperasi kekal relevan serta mampu menjadi pemacu ekonomi yang berdaya tahan. Dengan kesungguhan dan komitmen bersama, saya percaya gerakan

koperasi akan terus berkembang dan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat.

Sekian, terima kasih.